



SIARAN MEDIA

KPKT BERJAYA CIPTA DUA REKOD BAHARU SEMPENA HARI CUCI MALAYSIA 2025

PORT DICKSON, 27 September 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini melakar sejarah baharu apabila penganjuran Hari Cuci Malaysia 2025 di Port Dickson berjaya memecahkan dua rekod dalam Malaysia Book of Records (MBOR).

Dua (2) rekod baharu MBOR tersebut ialah :

1. ***Largest Simultaneous Participation In A 'Gotong Royong' Cleanup Program*** atau Penyertaan Gotong Royong Teramai iaitu **100,817** orang peserta di seluruh negara. Pencapaian ini telah memecahkan rekod penyertaan gotong royong HCM pada tahun 2024 iaitu 58,007 orang.
2. ***Largest Recyclable Cooking Oil Collected In A Day*** atau Pengumpulan Minyak Masak Terpakai Terbanyak dalam satu hari. KPKT berjaya mencipta rekod baharu MBOR dengan pengumpulan sebanyak **27,679.31 kilogram** minyak masak terpakai bersamaan **nilai jualan RM79,684.56** dari 10 buah negeri iaitu Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu dan Kuala Lumpur.

Sijil MBOR telah diserahkan oleh Puan Siti Hajar binti Johor, wakil MBOR kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT, YBhg. Datuk Mohd Zamri Bin Mat Zain.

HCM 2025 juga turut mencatatkan **kutipan sisa gotong royong sebanyak 6,462 tan metrik sisa pepejal** dari seluruh negara meliputi sisa plastik, sisa kebun, sisa kayu dan kertas, sisa tekstil dan lain-lain sisa. Kutipan ini dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan konsesi yang terlibat.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, “usaha ini bukan sahaja mencatat sejarah rekod baharu, malah menjadi simbol perpaduan rakyat. Ia membuktikan bahawa kebersihan adalah tanggungjawab bersama demi kesejahteraan generasi kini dan masa depan.”

Kejayaan dua rekod baharu MBOR ini membuktikan komitmen seluruh rakyat Malaysia terhadap budaya kebersihan dan kelestarian alam sekitar selaras dengan aspirasi Malaysia yang bersih dan lestari.

Program yang menjadi kemuncak kepada agenda nasional kebersihan ini telah menghimpunkan ribuan sukarelawan dari pelbagai lapisan masyarakat untuk bersama-sama menjayakan aktiviti gotong royong, pembersihan dan kitar semula.

Penganjuran HCM 2025 melibatkan penyertaan meluas seluruh negara merangkumi pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), institusi pendidikan, komuniti setempat, syarikat pembersihan (SWM), pemaju perumahan (PR1MA dan SPNB), persatuan industri, syarikat swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menjadikan ia gotong royong terbesar negara.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI
#CuciMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

